

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN: 22/JMM/S/12/91 (2024/2025)
TAJUK TAWARAN: PEMBELIAN TIGA (3) BUAH JENIS KENDERAAN RASMI JABATAN (BG) BAGI JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iatu dari pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari pukul 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga pukul 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Tawaran** bagi setiap borang adalah **B\$30.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN
BANDAR SERI BEGAWAN BA1210
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-charge (OIC)* iaitu Awang Haji Muhammad Faiz Bin Haji Salleh, Penyelia Pejabat (Pentadbiran) ditalian **+6737225525**.
7. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Tawaran (*Peti berwarna BIRU)** yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat hari Selasa, 17 September 2024, pukul 2 petang.

8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang Tawaran dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
10. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan
11. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 10) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 4).
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
13. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).